


KEBOLEHBACAAN
**BAHASA
ARAB**
DI MALAYSIA



KAMARULZAMAN ABDUL GHANI
MOHD IKHWAN ABDULLAH
ZULAZHAN AB HALIM
AHMAD SABRI NOH

Hak Cipta Penerbit UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Pengkatalogan-dalam-Penerbitan



Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman.
Editor Perolehan: Nur Fatihah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Mohamad Kamarul Hisyam
A Rahman. Pembaca Pruf: Zaliha Noor. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad.

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

16310 Bachok, Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:

RTS Typesetting

No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D

Seksyen 16, 40200 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ۚ أَفْرَأَ يَا سَمِّ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلْقٍ ۝

۝ أَفْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنِ ۝

۝ عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) (1), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku (2), Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah (3), Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan (4), Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya (5).

(Al-'Alaq: 1-5) (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman)



KANDUNGAN

Kata Pengantar	xi
Prakata	xiii
Pengenalan	xvii
BAB 1: MEMBACA, KEMAHIRAN MEMBACA DAN KEBOLEHBACAAN	1
Konsep Membaca	3
Definisi Membaca	4
Model Proses Membaca	7
Kefahaman Membaca Bahasa Kedua	12
Kebolehbacaan	16
Kajian Kebolehbacaan dalam Kajian Kemahiran Membaca	20
<i>Perbezaan antara Kebolehbacaan dan Kefahaman Membaca</i>	21
<i>Pengaruh Kajian Membaca dan Kemahiran Membaca</i>	22
<i>Terhadap Kajian Kebolehbacaan</i>	
Perkembangan Kajian Kebolehbacaan	24
<i>Kajian Pengukuran Kebolehbacaan Klasik</i>	25
<i>Kajian Pengukuran Isi</i>	31
<i>Kajian Model Statistik Bahasa</i>	35
Kesimpulan	38
BAB 2: FAKTOR-FAKTOR KEBOLEHBACAAN	39
Faktor Teks Bacaan	41
Perkataan atau Perbendaharaan Kata	41
Sintaks atau Struktur Ayat	48
Susunan dan Perkaitan Isi	52
Kepadatan Kandungan dan Konsep	54
Faktor Teknikal	56
Organisasi Teks Bacaan	56

Tipografi, Ilustrasi dan Warna, Bahan Grafik dan Susun Atur	57
Faktor Pembaca	62
Motivasi	63
Kebolehan Membaca dan Berbahasa	68
Pengetahuan Lepas dan Pengalaman Pembaca	71
Batasan Kajian Pengukuran Kebolehbacaan	74
Kesimpulan	79
 BAB 3: ALAT UKUR KEBOLEHBACAAN	 81
Pertimbangan dan Pandangan Pakar	82
Penggunaan Formula	83
Graf dan Carta	84
Prosedur Ujian Kloz	84
Penggunaan Ujian Kloz untuk Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua	90
Kaedah Mengukur Kebolehbacaan	94
Kaedah Kualitatif	94
Kaedah Kuantitatif	96
<i>Ujian Kefahaman</i>	96
<i>Formula Kebolehbacaan</i>	103
<i>Metodologi Pembinaan Formula</i>	103
<i>Kebolehpercayaan dan Kesahan Formula</i>	106
Batasan Formula	108
 BAB 4: PENGUKURAN KEBOLEHBACAAN BERASASKAN FORMULA	 111
Vogel dan Washburne: Formula Winnetka	111
Formula Lorge	114
Formula Flesch (Reading Ease Formula) dan Formula Flesch-Kincaid (Flesch- Kincaid Grade Level)	115
Formula Dale-Chall dan Formula Dale-Chall Baharu	117

Formula FOG	119
Formula Kebolehbacaan Spache	121
Coleman	122
Degrees of Reading Power (DRP)	122
Graf Kebolehbacaan Fry atau Indeks Kebolehbacaan Fry	123
Formula SMOG McLaughlin	125
FORCAST	126
Homan, Hewitt dan Linder	128
Lexile Framework	130
ATOS	132
Formula Hull untuk Penulisan Teknikal	133
Kajian Pengukuran Kebolehbacaan Selain daripada Bahasa Arab	134
Kajian Kebolehbacaan Teks Bahasa Arab	140
Kajian Pengukuran Kebolehbacaan Teks Arab	146
Kesimpulan	150
 BAB 5: KAJIAN KEBOLEHBACAAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA	 153
Tesis	153
Artikel Jurnal	160
Kesimpulan	165
 BAB 6: PEMBINAAN FORMULA KEBOLEHBACAAN BAHAN BACAAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA	 167
Prosedur Kajian	169
Populasi dan Sampel Kajian	170
Instrumen Kajian	174
<i>Penetapan Unit Analisis dan Kategori</i>	174
Prosedur Pengekodan	176
<i>Pengekod/Penganalisis</i>	182
Kajian Rintis Analisis Kandungan	182

Kesahan Analisis Kandungan	185
Kebolehpercayaan Analisis Kandungan	187
Prosedur Pengumpulan Data	190
Prosedur Penganalisisan Data	190
Analisis Deskriptif	191
Analisis Inferensi	192
<i>Analisis Varian</i>	192
<i>Korelasi Pearson</i>	193
<i>Analisis Regresi Berganda</i>	194
Proses Pembersihan dan Penyemakan Data	199
Proses Penyaringan (Screening) dan Pembersihan Data	200
Proses Penyingkiran Data Pencilan (Outlier)	200
Analisis Kenormalan Taburan Data Kajian (Normality of Data Distribution)	201
Dapatan Kajian	205
Perbincangan Dapatan Kajian	214
Kesimpulan	218
Glosari	221
Bibliografi	233
Indeks	261
Biodata Penulis	265

KATA PENGANTAR

Umum mengetahui, kalam Allah SWT yang pertama diperdengarkan Jibril a.s. ke telinga Nabi Muhammad SAW adalah kalimah *iqra'* yang bererti bacalah. Kata perintah ini meletakkan amalan membaca sebagai salah satu punca utama bagi mendapatkan ilmu. Allah SWT juga mengajar dengan mata pena, yang membawa maksud pembacaan terhasil apabila adanya bahan bacaan yang disediakan melalui naskhah buku ataupun apa sahaja bahan seperti e-buku atau lain-lain bahan bacaan elektronik pada hari ini.

Membaca adalah suatu proses melibatkan kognitif, iaitu proses mental untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu. Proses ini bukanlah mudah. Ia menggabungkan peranan pancaindera mata dengan aktiviti akal yang cuba memahami, bertindak balas dan mengambil manfaat daripada apa yang dibaca.

Amalan membaca sangat penting dalam kehidupan intelektual seseorang. Membaca bukan sahaja membuka minda untuk menerokai pelbagai bidang ilmu, tetapi juga berupaya meningkatkan kekuatan memori. Amalan membaca secara berterusan merupakan satu bentuk senaman minda yang menjadikan sel-sel otak aktif berhubung dan sihat. Bahkan, tahap kreativiti, kemahiran bahasa dan keupayaan komunikasi juga dapat dipertingkatkan melalui amalan membaca.

Terdapat banyak faktor yang mendorong seseorang untuk membaca. Antaranya, untuk menghadapi peperiksaan, menyiapkan literatur kajian, dan mendapatkan maklumat baharu. Boleh jadi juga membaca kerana mahu mengisi masa lapang, berhibur dan lain-lain tujuan berdasarkan kepada keperluan masing-masing. Selain itu, ada banyak juga faktor yang menghalang seseorang daripada membaca. Antaranya, kekangan masa, tidak pandai memanfaatkan masa lapang dengan perkara berfaedah dan lambakan rancangan hiburan di televisyen yang memesongkan perhatian daripada melakukan aktiviti membaca. Begitu juga dek kerana akrabnya hubungan kita dengan telefon bimbit sehingga tidak mampu untuk kita berenggang daripadanya.

Adakah kita pernah menghadapi situasi iaitu kita begitu bersemangat untuk membaca, tetapi selepas beberapa ketika, kita tidak dapat meneruskan pembacaan? Mungkin situasi ini berlaku bukan berpunca daripada sikap pembaca, namun disebabkan oleh bahan bacaan itu sendiri. Pemilihan perkataan yang sukar difahami, penggunaan gaya bahasa yang tinggi dan pembinaan ayat yang kompleks menjadikan sesuatu teks bacaan susah untuk dihadam. Akibatnya buku berkenaan akan ditutup dan dikembalikan ke rak. Pembaca sekalian, di sinilah terserlahnya kepentingan kebolehbacaan. Kebolehbacaan merujuk kepada tahap sukar ataupun senangnya sesebuah teks untuk dibaca dan difahami. Ini menjadi satu perkara penting yang tidak boleh diabaikan begitu sahaja oleh mana-mana penulis.

Buku yang berada dalam tatapan pembaca ini mengupas perihal tajuk kebolehbacaan secara tuntas. Ia merangkumi konsep, faktor penyebab, pengukuran, perkembangan dan usaha bagi membina formula. Menariknya, buku ini membincangkan isu kebolehbacaan dalam konteks bahasa Arab yang tidak pernah dibukukan sebelum ini.

Besarlah harapan saya semoga buku ini bukan sekadar memperkenalkan konsep kebolehbacaan dan menyorot dapatan kajian lepas, malah mampu membuka minda para pengkaji bidang ini untuk lebih bersikap kritis, sehingga berjaya menghasilkan satu formula kebolehbacaan yang standard dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia. Semoga dengan kajian kebolehbacaan yang lebih kritis dan berfokus ini akan dapat menarik minat pembaca, khususnya para pelajar untuk lebih berminat membaca bahan-bahan dalam bahasa Arab dan menjadikan pengajaran bacaan di sekolah khasnya lebih menarik dan berkesan.

Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan

PRAKATA

Segala pujian dan syukur kepada Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, Allah SWT atas nikmat Islam dan iman, serta segala nikmat yang dikurniakan sama ada yang disedari ataupun tidak. Tidak ketinggalan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan seluruh pengikut baginda. Alhamdulillah dengan izin-Nya, penulisan buku ini yang sudah dirancang sejak hampir tiga tahun lalu dapat disempurnakan. Semoga, ia menjadi sumbangan dalam dunia akademik khususnya dalam konteks pengajian dan pendidikan bahasa Arab di Malaysia.

Dahulu, pendidikan asas melihat seseorang itu perlu belajar untuk membaca. Namun, dalam dunia sekarang membaca adalah perlu untuk belajar. Membaca menjadi kemahiran penting dalam dunia pendidikan kini yang berorientasikan pembelajaran berpusatkan pelajar. Kemahiran dan kebolehan membaca yang baik diperlukan dalam menerapkan pembelajaran kendiri, lebih-lebih lagi dalam pembelajaran bahasa Arab pada peringkat menengah. Melalui membaca, penerokaan terhadap dunia pengetahuan dan maklumat dapat dikembangkan dengan lebih baik dan teratur.

Pelbagai sumber digunakan bagi menyampaikan pengetahuan dan maklumat kepada pelajar. Apatah lagi dalam era dunia maklumat tanpa sempadan, pelbagai kaedah dan cara sudah diterokai. Sumber ilmu pengetahuan walau apa pun medium penyampaiannya, bergantung kepada bahan bacaan yang ditulis dalam pelbagai bentuk dan tujuan. Ia menjadi sumber terpenting bagi mendapat apa sahaja maklumat dan ilmu pengetahuan. Dalam dunia akademik khususnya bidang pendidikan, isu-isu berkaitan penyediaan bahan bacaan menjadi antara cabang ilmu dalam konteks pengkajian ilmu pendidikan bahasa.

Kajian berkaitan bahan bacaan biasanya dikaitkan dengan sejauh mana sesuatu bahan itu menyumbang kepada keupayaan seseorang pembaca memahami kandungannya. Dengan kata lain, senang ataupun susahnya sesuatu teks bacaan akan menentukan tahap-tahap kefahaman seseorang pembaca. Kebolehfahaman seseorang terhadap sesebuah bahan bacaan sebagiannya diasaskan oleh pertalian antara tahap pemahaman seseorang dan tahap kesukaran sesebuah teks bacaan. Bidang kajian yang berkaitan dengan penentuan senang atau sukar sesuatu bahan bacaan terhadap pembaca sasaran dikenali sebagai **kebolehbacaan**. Terdapat salah faham dalam sebahagian khalayak berkaitan dengan istilah kebolehbacaan. Kekeliruan ini berlaku dalam memahami istilah dan konsep kebolehbacaan dengan konsep-konsep lain dalam disiplin ilmu berkaitan kemahiran membaca. Antara kekeliruannya adalah menyamakan erti istilah kebolehbacaan dengan kebolehan membaca, kebolehfahaman ataupun keterbacaan.

Buku ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan kekeliruan ini, di samping menjadi rujukan kepada mereka yang terlibat dalam bidang pengajian dan pendidikan bahasa. Kajian kebolehbacaan bahasa Arab di Malaysia mula diteroka pada tahun 2005 melalui kajian di peringkat doktor falsafah. Hal ini kemudiannya terus mendapat perhatian dan sambutan khususnya dalam pengkajian peringkat pengajian pascasiswazah hingga ke hari ini. Malah, para penyelidik pernah memperoleh geran penyelidikan daripada Kementerian Pengajian Tinggi berkaitan bidang ini dalam konteks bahasa Arab di Malaysia. Penulisan buku ini adalah adunan hasil kajian para penulis yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kebolehbacaan bahasa Arab di Malaysia.

Buku ini menyentuh bidang kajian kebolehbacaan bahan bacaan dan perkembangannya, serta memberi fokus kepada bahan bacaan bahasa Arab, khususnya dalam konteks Malaysia. Buku ini dipersembahkan dalam bentuk perbincangan ilmiah berdasarkan kepada kajian-kajian yang dijalankan oleh para penulis sendiri. Sama ada melalui kajian-

kajian di peringkat doktor falsafah ataupun kajian geran penyelidikan peringkat nasional. Buku ini dibahagikan kepada enam bab utama dengan difokuskan kepada beberapa topik dan subtopik penting berkaitan bidang kebolehbacaan. Topik-topik asas merangkumi: 1) Membaca, Kemahiran Membaca dan Kebolehbacaan, 2) Faktor-Faktor Kebolehbacaan, 3) Alat Ukur Kebolehbacaan, 4) Pengukuran Kebolehbacaan Berasaskan Formula, 5) Kajian Kebolehbacaan Bahasa Arab di Malaysia serta 6) Pembinaan Formula Kebolehbacaan Bahan Bacaan Bahasa Arab di Malaysia. Setiap topik asas ini disusuli dengan subtopik-subtopik berkaitan.

Penyusunan topik-topik ini dibuat bagi memudahkan pembaca memahami asas, konsep, perkembangan, skop dan elemen penting berkaitan bidang kebolehbacaan. Cara penulisan dan persempahan kandungan adalah bersifat ilmiah dengan aras perbincangan yang agak tinggi. Buku ini sesuai untuk dijadikan bahan rujukan dan bacaan ilmiah kepada para ilmuwan dalam bidang bahasa. Khususnya, ahli akademik universiti, para penyelidik, dan para pelajar peringkat pengajian sarjana muda. Malah, lebih utama untuk para pelajar di peringkat pascasiswazah di universiti dan para pendidik di sekolah-sekolah. Hasil karya ini juga boleh menjadi rujukan kepada para penulis buku, pustakawan, para penerbit bahan bacaan serta para penggubal kurikulum.

Tiada yang sempurna, melainkan Allah SWT. Perbincangan dan kupasan yang terdapat dalam buku ini sudah pasti terdapat kekurangan dengan keterbatasan ilmu yang ada pada para penulis. Masih ada ruang penambahbaikan yang dapat dilakukan. Sedikit sumbangan ilmu yang kecil ini diharapkan menjadi manfaat kepada para pencinta ilmu, khususnya yang terlibat dalam bidang pengajian dan pendidikan bahasa. Semoga, ia menjadi amal jariah kami dalam mengembang dan memartabatkan bahasa Arab di Malaysia.

Di kesempatan ini, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam perjalanan bahtera ilmu ini. Secara khususnya, doa

untuk kedua-dua ibu bapa, guru-guru, para isteri, anak-anak, keluarga dan sahabat handai kami. Tidak lupa juga kepada pihak yang menjadi pelantar dan pembuka ruang serta peluang kepada kami dalam menelusuri lautan ilmu yang tidak berpenghujung. Antaranya, pihak universiti tempat kami bertugas, penaja-penaja pengajian lanjutan kami, dan penaja geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental. Semoga Allah SWT merestui segala kerja amal kita dan menerima segala amalan kita sebagai amal soleh, amin.

Kamarulzaman Abdul Ghani

Mohd Ikhwan Abdullah

Zulazhan Ab Halim

Ahmad Sabri Noh

PENGENALAN

Para penyelidik sudah membincangkan satu konsep berkaitan dengan tahap kesukaran sesuatu teks bacaan. Konsep yang dimaksudkan adalah kebolehbacaan atau dalam bahasa Inggeris diistilahkan sebagai *readability*. Manakala, dalam bahasa Arab disebut sebagai *maqrū'iyyah* atau *inqira'iyyah*. Kebolehbacaan berbeza dengan konsep kebolehan membaca. Aspek yang menjadi tumpuan konsep kebolehbacaan adalah bahan bacaan itu sendiri. Manakala, kebolehan membaca memberi penekanan kepada individu pembaca. Secara umumnya dapat dinyatakan, kebolehbacaan adalah suatu proses meramal tahap susah ataupun senangnya sesebuah teks dan kesesuaiannya dengan tahap pembaca yang disasarkan.

Kajian terawal cubaan mengukur tahap kebolehbacaan teks bahan bacaan pernah diketahui berlaku pada kurun ke-10. Dalam penyelidikan era moden, kajian awal berkaitan kebolehbacaan bagi mengukur sesuatu bahan bacaan bermula pada tahun 1921. Bermula pada tahun 1950an, kajian kebolehbacaan berpindah ke era baru. Era ini menyaksikan aspek kebolehbacaan dikaji dengan lebih mendalam. Kemajuan yang dicapai dalam bidang-bidang lain juga turut memberi manfaat kepada kajian kebolehbacaan dan memperkuuhkan hasil dapatannya.

Kebanyakan teknik dan metode popular bagi mengukur tahap kebolehbacaan adalah berbentuk formula yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kualitatif juga digunakan, namun ia agak kurang popular. Kebanyakan teknik dan metode yang ditubuhkan bagi mengukur kebolehbacaan dihasilkan di Amerika Syarikat untuk teks berbahasa Inggeris, sama ada melalui usaha perseorangan, kumpulan, institusi ataupun organisasi tertentu.

Kajian mengukur kebolehbacaan bertujuan memudahkan penentuan kesesuaian dan pemilihan bahan bacaan untuk pembaca sasaran. Pengukuran anggaran tahap susah ataupun senangnya sesebuah teks perlu diberi pertimbangan dalam usaha memastikan pembaca diberi bahan

bacaan yang sesuai dengan tahap kemahiran membaca mereka. Ini kerana, sekiranya pembaca diberikan teks yang sukar dan tidak sesuai dengan kebolehan membaca mereka, pembaca tidak dapat membaca dengan selesa. Sukar juga untuk mereka memahami mesej yang disampaikan dalam teks. Justeru, pemilihan dan penulisan teks bacaan yang bersesuaian dengan pembaca perlu diberi keutamaan. Ini supaya pembaca dapat merangsang dan mengaitkan maklumat dalam teks dengan pengetahuan sedia ada mereka; semasa dan selepas pembacaan.

Merujuk kepada penutur bahasa kedua, pembacaan bukanlah sekadar proses mengenal huruf dan membaca dari ayat ke ayat. Sebaliknya, ia melibatkan proses yang aktif dan konstruktif bagi membina makna daripada konteks berdasarkan kepada kemahiran berbahasa dan pengetahuan sedia ada yang menyumbang kepada keberkesanan pemahaman. Sehubungan itu, kajian terhadap kebolehbacaan sesuatu bahan bacaan menjadi satu bidang penting dalam pendidikan. Ini kerana, bahan bacaan terutamanya buku teks adalah sumber pengajaran dan pembelajaran utama. Sekiranya pelajar dibekalkan dengan buku teks yang senang untuk dibaca dan difahami, hal ini menjadikan proses menambah ilmu pengetahuan akan lebih berkesan. Penulisan, penyediaan dan pemilihan bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahap berbahasa pelajar untuk menjamin pemahaman pembaca serta meningkatkan motivasi mereka terhadap bahan bacaan menjadi cabaran dalam bidang pendidikan dan penulisan. Cabaran permasalahan inilah yang menjurus kepada perkembangan kajian kebolehbacaan, seterusnya pembinaan kaedah dan alat pengukuran kebolehbacaan.

Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, bidang kebolehbacaan teks Arab di Malaysia mendapat perhatian dalam kalangan para penyelidik. Khususnya, para pelajar pascasiswazah dan ahli akademik di universiti dalam bidang pengajaran dan pendidikan bahasa Arab. Namun, kebanyakan sumber yang dirujuk dalam bidang ini ditulis oleh para sarjana Barat. Mereka lebih memfokuskan kajian dalam konteks kebolehbacaan bahan

bacaan berbahasa Inggeris. Amat sedikit rujukan dalam bidang ini yang ditulis berkaitan bahasa Arab, terutama oleh para sarjana di Timur Tengah. Lebih ketara lagi jikalau kita lihat di Malaysia.

Kebanyakan hasil penulisan yang dihasilkan oleh sarjana di Malaysia bersifat tidak komprehensif. Bahan penulisan yang dihasilkan banyak dalam bentuk kertas-kertas seminar, artikel-artikel jurnal dan bab-bab dalam buku dengan ruang perbincangan yang terpisah antara satu sama lain. Masih belum terdapat sebuah buku bersifat komprehensif berkaitan bidang ini yang dikaitkan dengan konteks bahasa Arab di Malaysia berjaya dihasilkan. Oleh itu, satu usaha dilakukan bagi menerbitkan buku yang cuba menggarap bidang kebolehbacaan secara tuntas serta dikaitkan dengan bahan bacaan bahasa Arab di Malaysia.

Latar belakang berkaitan bidang ini dipersembahkan dalam Bab 1. Bagi memberi gambaran yang jelas berkaitan beberapa perkara penting berkaitan tema utama buku ini, bab ini membincangkan topik membaca, kemahiran membaca dan kebolehbacaan dengan menyentuh berkaitan konsep. Begitu juga dengan definisi serta perkaitan antara aspek-aspek ini yang dikupas secara terperinci. Selain itu, disorot juga perkembangan kajian kebolehbacaan secara am serta dalam konteks bidang bahasa Arab.

Apabila membincangkan bidang kebolehbacaan, antara perkara asas yang menjadi fokus perbincangan para sarjana bidang ini adalah faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehbacaan sesebuah teks bacaan. Kupasan dan hurai terperinci berkaitan aspek ini dimuatkan dalam Bab 2. Faktor-faktor utama yang sering dikupas oleh para sarjana dipersembahkan dalam bab ini. Faktor-faktor berkenaan adalah faktor-faktor teks bacaan, teknikal, pembaca, kebolehan membaca dan berbahasa serta pengetahuan lepas dan pengalaman pembaca.

Manakala dalam Bab 3 pula, penulis mula menjelaskan aspek-aspek yang bersifat lebih teknikal. Aspek-aspek ini menjadi perkara asas dalam mendalami bidang kebolehbacaan. Proses mengukur tahap kesukaran sesebuah teks bacaan memerlukan alat ukur yang objektif, sah

dan boleh dipercayai. Bab ini secara khusus membincangkan alat-alat ukur kebolehbacaan yang sudah dibina serta sebahagian daripadanya yang sering diguna pakai, serta perkembangan yang berlaku terhadap teknik dan kaedah pengukuran ini. Perkembangan teknologi maklumat kini sedikit sebanyak mempengaruhi kaedah dan teknik yang digunakan dalam mengukur kebolehbacaan sesebuah teks bacaan.

Walaupun banyak pendekatan dan teknik sudah diteroka dalam menentukan alat ukur yang lebih tepat bagi mengukur kebolehbacaan sesebuah teks, pengukuran yang dibangunkan berasaskan kepada formula lebih popular dan mendapat tempat dalam kalangan para pengkaji. Justeru, Bab 4 akan membincangkan secara khusus perihal alat-alat ukur kebolehbacaan berasaskan formula. Terdapat ratusan formula dihasilkan bagi mengukur kebolehbacaan dan ia menjadi cara paling banyak dan diterima pakai secara meluas. Malah, penghasilan formula kebolehbacaan adalah cara paling kerap dilakukan oleh para sarjana. Namun, tidak semua formula diguna pakai secara meluas. Bab ini akan membawa sorotan ringkas beberapa buah formula kebolehbacaan yang popular dan sering digunakan bagi mengukur tahap kebolehbacaan sesebuah teks bacaan.

Dalam Bab 5 pula, kita akan menelusuri kajian-kajian kebolehbacaan yang sudah dilakukan di Malaysia dengan mengkhususkan kepada isu-isu kebolehbacaan teks bacaan bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Tinjauan yang dilakukan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah, sama ada daripada tesis-tesis peringkat pengajian pascasiswazah ataupun artikel-artikel jurnal yang dihasilkan oleh para ilmuwan dalam bidang Pengajian dan Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia.

Akhir sekali, dalam Bab 6 buku ini memuatkan perbincangan yang bersifat teknikal berkaitan dengan proses pembinaan formula kebolehbacaan bahasa Arab; dalam konteks bahan bacaan dan pembaca bukan penutur jati. Ini adalah sebuah kajian yang dijalankan melalui geran penyelidikan serta disempurnakan dalam kajian doktor falsafah yang membantu penyelidik menamatkan pengajian dengan memanfaatkan

geran berkenaan. Kajian ini adalah satu bentuk usaha dan percubaan bagi mewujudkan formula kebolehbacaan teks Arab untuk penutur bukan jati di Malaysia. Pengalaman dan proses yang dilalui, serta hasil yang diperoleh dalam membangunkan formula ini disematkan dalam bab ini. Sekali gus, ia dapat dijadikan panduan bagi menambah baik kekurangan dan kekangan yang dihadapi, serta pencetus idea yang lebih praktikal dan relevan dalam konteks kajian kebolehbacaan bahan bacaan bahasa Arab di Malaysia, khususnya dalam membina alat ukur kebolehbacaan yang sesuai di Malaysia.

Buku ini diharap dapat menambahkan koleksi ilmiah dalam bidang kebolehbacaan di Malaysia. Malah, diharapkan juga ia menjadi cabang ilmu dalam bidang Pengajian dan Pendidikan Bahasa Arab yang mempunyai potensi besar dan masih boleh dikembangkan.

BAB 1

MEMBACA, KEMAHIRAN MEMBACA DAN KEBOLEHBACAAN

Kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bergantung kepada banyak faktor. Antaranya, pemilihan bahan pengajaran. Bahan pengajaran menjadi satu elemen penting dalam kurikulum. Bahan pengajaran digunakan bagi merangsang pembelajaran dan mengekalkan minat belajar dalam kalangan pelajar. Begitu juga bagi menambah kepelbagaiannya dalam pelajaran dan menggambarkan hubung kait antara subjek. Bahan bacaan seperti buku, akhbar dan majalah menjadi antara bahan pengajaran penting. Guru-guru sering menghadapi masalah dalam memilih ataupun menyediakan bahan bacaan untuk pelajar. Sedangkan, kejayaan pengajaran bacaan bergantung kepada kesesuaian bahan bacaan berkenaan dengan minat, kebolehan dan kesediaan pelajar.

Penggunaan teks bacaan bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran perlu dipilih oleh tenaga pengajar bagi mendapatkan refleksi dan penglibatan positif daripada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, capaian dan peluang menggunakan bahasa Arab adalah terhad. Oleh itu, penggunaan teks bacaan bersesuaian dalam proses pembelajaran adalah penting. Ini kerana, ia membantu menimbulkan minat pelajar dan mendorong mereka menguasai bahasa ini dengan lebih berkesan.

Selain itu, para pelajar perlu dilatih supaya mempunyai autonomi dan tanggungjawab dengan mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar (student-centred learning). Contohnya seperti membaca bahan bacaan tambahan supaya mereka lebih berdikari dan lebih aktif dalam pembelajaran. Di samping itu, tidak mengharapkan bantuan guru semata-mata. Pembelajaran secara kendiri bukan sahaja meningkatkan